

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG]

TARIKH : 13 MAC 2019

SOALAN : 34

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah kes permohonan dari Sarawak yang masih dalam proses untuk mendapat kad pengenalan hijau, kad pengenalan merah dan kad pengenalan biru serta nyatakan sama ada Kementerian dapat menetapkan satu tempoh masa bagi setiap proses permohonan kewarganegaraan serta memberi sebab jika kes permohonan itu gagal supaya ia memudahkan pemohon untuk memohon semula.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bertanggungjawab mendaftarkan permohonan dan mengeluarkan kad pengenalan warganegara Malaysia (MyKad), kad pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR), dan kad pengenalan Pemastautin Sementara (MyKAS) selaras dengan Akta Pendaftaran Negara 1978 dan Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990. Berdasarkan rekod JPN dari tahun 2013 hingga 15 Februari 2019, JPN sedang memproses sejumlah 38 permohonan baharu kad pengenalan Malaysia pertama kali di negeri Sarawak. Perincian mengenai jumlah kad pengenalan Malaysia di negeri Sarawak yang sedang diproses mengikut kategori kad adalah seperti berikut:-

KATEGORI KAD	JUMLAH
MyKad (permohonan daftar lewat MyKad)	30
MyPR	0
MyKAS	8
JUMLAH	38

Berhubung penetapan tempoh masa bagi setiap permohonan kewarganegaraan, setiap permohonan kewarganegaraan yang diterima oleh Kementerian akan diproses dengan teliti dalam memastikan setiap permohonan berkenaan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan.

Oleh yang demikian, tempoh bagi mendapatkan keputusan sesuatu permohonan kewarganegaraan adalah berbeza-beza berdasarkan kes dan tiada tempoh tertentu yang ditetapkan. Bagi permohonan kewarganegaraan yang telah siap diproses dan mendapat keputusan tolak, Kementerian sedang dalam peringkat akhir pengemaskinian Prosedur Operasi Standard (SOP) Permohonan Kewarganegaraan yang mana SOP tersebut turut mengandungi mekanisme pemakluman kepada pemohon berkaitan sebab-sebab sesuatu permohonan kewarganegaraan itu ditolak.